

# **Persepsi Ejen Takaful Terhadap Penyertaan Masyarakat Melayu Dalam Takaful Hayat**

Hussin Bin Salamon & Maisaroh Binti Mat Saad

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor yang mendorong dan faktor-faktor yang menghalang penyertaan serta langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Seramai 21 orang ejen takaful dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik dibahagikan kepada bahagian A dan bahagian B manakala respon dinilai berdasarkan lima skala *Likert*. Data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science for Windows version 14.0* secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item yang digunakan. Dapatan data dipersembahkan dalam bentuk jadual. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah  $\alpha = 0.861$ . Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan responden memberikan persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji iaitu faktor-faktor yang mendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat iaitu dengan nilai min yang tinggi, 4.02 dan persepsi mereka terhadap faktor-faktor yang menghalang penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat juga tinggi dengan min 3.74. Manakala persepsi mereka terhadap langkah-langkah bagi meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu pula adalah tinggi iaitu dengan nilai min 4.36. Sebagai maklum balas kepada kajian yang dijalankan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat dan langkah-langkah yang perlu dilakukan. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

*Katakunci :* persepsi ejen Takaful, penyertaan masyarakat Melayu, Takaful Hayat

## **Pengenalan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) istilah ekonomi adalah merujuk kepada ilmu yang berkenaan dengan pengeluaran, pengagihan, pengurusan barangbarang dan perkhidmatan. Oleh itu, ekonomi adalah merujuk kepada satu bidang sosial yang mengkaji berkenaan individu dan masyarakat di dalam membuat pilihan dan juga termasuklah di dalam sistem pengendalian sumber kekayaan sesebuah negara. Sistem ekonomi ini di laksanakan bagi memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat kini. Sektor ekonomi memainkan peranan yang penting di dalam system muamalah bagi setiap manusia. Sektor ekonomi ini meliputi perbankan, pemasaran, pengurusan perniagaan, kewangan, perdagangan dan perindustrian.

Secara amnya terdapat beberapa jenis sistem ekonomi yang di amalkan pada hari ini iaitu seperti ekonomi kapitalisme, ekonomi sosialisme dan sistem ekonomi Islam. Sistem ekonomi Islam bererti semua urusan dalam bidang ekonomi mesti berteraskan syariat Islam dan berpaksikan Tauhid. Mengikut Islam, segala urusan dalam kegiatan ekonomi perlu ada dua unsur berikut iaitu *Al- 'Adl* (keadilan) dan *Al- Ihsan* (berbuat kebajikan).

Ekonomi Islam bukanlah di khaskan kepada orang Islam atau negara Islam sahaja, sebaliknya ia boleh diamalkan dalam negara yang ramai orang bukan Islam. Bagi orang Islam yang mengamalkan prinsip-prinsip ekonomi yang berteraskan Islam maka akan perolehi pahala baginya. Di zaman moden ini, institusi ekonomi Islam menjadi lebih kompleks berbanding di zaman awal Islam. Ini adalah kerana wujudnya persaingan dengan ekonomi konvensional yang

telah dominan di semua negara Islam. Antara institusi tersebut di Malaysia ialah Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Bank Islam dan Takaful. (Mohd Yusuf Ahmad, 2003 : 169)

Jika ditelusuri asal-usul dan perkembangan insurans, maka jelaslah bahawa konsep dan amalan insurans telah lama bertunjang iaitu sejak zaman Tamadun Babylon iaitu kira-kira 3000 tahun sebelum masihi. Konsep insurans juga didapati telah lama diamalkan oleh bangsa Arab iaitu sebelum kedatangan agama Islam lagi. Jelaslah di sini bahawa insurans bukanlah merupakan sesuatu yang baru wujud pada zaman moden ini. Ia telah wujud sejak sekian lama dan perkembangan industry insurans berlaku dengan amat pesat sejak akhir-akhir ini dengan penawaran pelbagai skim perlindungan untuk kemaslahatan kehidupan manusia zaman ini. Salah satu insurans yang semakin berkembang di dalam masyarakat umum adalah Takaful Hayat.

### **Penyataan Masalah**

Melalui latar belakang masalah tersebut, jelaslah kepada kita penyertaan masyarakat Melayu di dalam skim perlindungan Takaful Hayat adalah kurang. Oleh itu, satu kajian akan dilakukan bagi mengkaji faktor-faktor penghalang dan pendorong terhadap penyertaan masyarakat Melayu di dalam Takaful Hayat. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu didalam skim perlindungan takaful ini. Maka satu kajian yang bertajuk persepsi ejen takaful terhadap penyertaan masyarakat Melayu di dalam Takaful Hayat akan dijalankan.

### **Objektif Kajian**

- a) Mengetahui persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor pendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat.
- b) Mengkaji persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor penghalang kepada penyertaan Takaful Hayat dikalangan orang Melayu.
- c) Mengenalpasti persepsi ejen takaful terhadap langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini adalah diharapkan agar dapat mengetahui persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor penghalang dan pendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam skim perlindungan Takaful Hayat. Selain itu, diharapkan juga kajian ini dapat memberi maklumat kepada masyarakat dengan lebih terperinci berkaitan dengan Takaful Hayat yang ditawarkan oleh syarikat takaful kepada masyarakat.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberi satu rujukan kepada syarikat takaful bagi mempertingkatkan perkhidmatan mereka kepada masyarakat Melayu di dalam Takaful Hayat. Sehubungan dengan itu, syarikat-syarikat insurans dapat menyediakan polisi-polisi Takaful Hayat yang sesuai serta mengatur strategi pemasaran yang lebih sempurna demi kebaikan syarikat dan negara dan lebih khusus kepada masyarakat Melayu.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk memberikan pengetahuan berkaitan dengan penerimaan masyarakat Melayu terhadap Takaful Hayat bahkan untuk membantu memberikan kefahaman kepada masyarakat Melayu tentang kepentingan untuk menyertai Takaful Hayat ini.

## **Rekabentuk Kajian**

Kajian yang dijalankan ini menggunakan reka bentuk kajian berbentuk deskriptif iaitu untuk mengetahui persepsi ejen takaful terhadap penyertaan masyarakat Melayu di dalam Takaful Hayat. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. ( Mohd. Majid Konting, 2004: 96). Selain itu, kajian ini merupakan penyelidikan untuk mendapatkan maklumat serta data yang dikehendaki daripada responden dengan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini dijalankan berasaskan kepada kaedah soal selidik di mana salah satu kaedah yang paling popular di kalangan penyelidik serta mudah ditadbir setelah data dibina dan juga senang diproses untuk dianalisis. Soal selidik digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan. (Mohammad Najib Abdul Ghafar, 1999: 88)

Untuk melicinkan kajian ini, kaedah temubual bagi memperolehi pandangan ejen Takaful dalam penyertaan masyarakat Melayu di dalam Takaful Hayat juga digunakan. Kaedah ini digunakan kerana pengkaji merasakan ianya dapat membantu mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan pengukuhan yang lebih baik dalam menjalankan kajian ini.

Selain itu, kajian perpustakaan juga turut dilakukan bagi mendapatkan datadata sekunder bagi kajian ini. Ia diperlukan untuk mendapatkan penerangan, fakta serta penemuan atau hasil kajian yang akan atau telah dibuat sama ada secara langsung ataupun tidak. Kajian perpustakaan digunakan dalam bab 1, bab 2, dan bab 3. Maklumat yang didapati daripada kajian perpustakaan ini dapat membantu penyelidik untuk membina item-item dalam kajian.

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan melalui pengedaran borang soal selidik. Kajian deskriptif dapat menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam perkara yang dikaji.

## **Populasi dan Sampel**

Kajian ini memilih populasi yang terdiri daripada ejen takaful Nasional Taman Universiti, Johor. Menurut En. Alwi bin Jamaluddin, jumlah ejen Takaful dia agensi tersebut adalah seramai 21 orang. Oleh itu, sampel kajian yang dikaji adalah keseluruhan populasi. Menurut Sidek Mohd Noah (2002: 85) persampelan dan statistik infrensi atau pentakbiran akan menjadi isu sekiranya kita berupaya menggunakan seluruh individu yang hendak dikaji. Dengan penggunaan keseluruhan populasi sebagai subjek kajian, keputusan yang diperoleh adalah tepat kerana tiada ralat pensampelan berlaku.

Selain itu, menurut Mohd. Majid Konting (2004: 63) pula, persampelan merupakan strategi penyelidikan bagi mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut.

Melalui sampel ini akan diperolehi sumber untuk mendapatkan data. Selain itu, responden dipilih melalui kaedah persampelan seluruh populasi kerana penyelidik tidak meletakkan tujuan dan syarat terhadap responden yang hendak dipilih untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Sampel akan dipilih seluruh populasi di mana semua responden digunakan dan ini disamakan dengan penyelidikan kes.

## **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memenuhi objektif kajian. Menurut Mohd. Najib Abdul Ghaffar (1998 : 73) soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk populasi yang besar. Arahan dan soalan yang diberikan adalah lebih piawai dan sama kepada semua subjek yang ingin dikaji. Subjek-subjek dapat

bertanggungjawab terhadap rangsangan soalan yang dipiawaikan dengan lebih berkesan. Gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan tidak dipengaruhi oleh penambahan dan pengurangan arahan atau soalan.

Maklumat yang diperolehi akan dinilai mengikut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif. Instrumen kajian ini mengandungi 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik.

### Kajian Rintis

Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan diadakan kajian rintis adalah untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik.

Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item soalan yang di bina.
- ii. Mengetahui semua kenyataan di dalam soal selidik jelas dan mudah difahami.
- iii. Memperbaiki pernyataan item yang kurang jelas yang akan menyebabkan takrifan yang berlainan oleh responden.
- iv. Menimbang tempoh masa yang di ambil untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Oleh itu penyelidik telah melakukan kajian rintis ke atas bukan sampel iaitu dikalangan ejen takaful Syarikat Takaful Malaysia daerah Pontian, Johor . Tujuannya ialah untuk mengetahui dan menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dibina oleh penyelidik.

Hasil kajian rintis diproses menggunakan *Statistical Package For Social Science For Windows version 14.0* (SPSS) dan item-item yang menggelirukan akan diperbaiki untuk memperolehi prestasi dan kefahaman yang lebih baik.

### Analisis Data

**Jadual 1 :** Rumusan dapatan kajian mengenai persepsi ejen takaful terhadap faktor- faktor yang mendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat

No. Item	Item	Positif		Negatif		Min
		K	%	K	%	
1.	Polisi Takaful Hayat yang dibeli adalah sebagai salah satu bentuk simpanan.	14	66.7	7	33.3	3.76
2.	Polisi Takaful Hayat adalah sebagai jaminan kewangan semasa persaraan.	16	76.2	5	23.8	4.00
3.	Polisi Takaful Hayat adalah sebagai satu alat pelaburan.	12	57.2	9	42.8	3.62
4.	Kebanyakan masyarakat Melayu yang menyertai Takaful Hayat adalah daripada mereka yang berpendapatan tinggi.	12	57.2	9	42.8	3.38
5.	Masyarakat Melayu yang tidak mempunyai jumlah tanggungan yang ramai banyak menyertai Takaful Hayat.	10	47.6	11	52.4	3.38

6.	Polisi Takaful Hayat sebagai satu cara untuk menampung kos menyara ahli keluarga apabila peserta ditimpa musibah.	17	81.0	4	19.0	4.24
7.	Polisi Takaful Hayat sebagai skim perlindungan kepada ahli keluarga.	21	100	-	-	4.62
8.	Polisi Takaful Hayat berfungsi sebagai jaminan pendidikan anak-anak bagi pencharum yang menghadapi musibah.	18	85.7	3	14.3	4.33
9.	Polisi Takaful Hayat dibeli bagi meringankan beban ahli keluarga.	21	100	-	-	4.52
10.	Proses permohonan mendapatkan polisi Takaful Hayat agak mudah dan cepat.	20	95.2	1	4.8	4.24
11.	Ejen takaful bergerak secara aktif dan pro aktif dalam mencari pelanggan	19	90.4	2	9.6	4.05
12.	Premis Takaful Hayat yang banyak dan mudah dikunjungi memudahkan pelanggan untuk menyertainya.	20	95.2	1	4.8	4.24
13.	Penyertaan masyarakat Melayu didalam polisi Takaful Hayat adalah untuk mencapai objektif kempen menabung kebangsaan.	12	57.2	9	42.8	3.71
14.	Bank Negara memberikan sokongan yang berterusan bagi meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam Takaful Hayat.	18	85.7	3	14.3	4.05
15.	Pelancaran diperingkat sekolah merupakan langkah kerajaan memberikan sokongan terhadap Takaful Hayat.	20	95.2	1	4.8	4.19
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.02</b>

$N = 21$

Merujuk kepada jadual 1, terdapat lima belas item yang telah digunakan bagi mengetahui persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor yang mendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Berdasarkan data di dalam jadual tersebut diketahui bahawa purata min keseluruhan bagi persoalan kajian yang pertama ini adalah 4.02. Keputusan menunjukkan min yang tertinggi bagi persoalan kajian yang pertama ini ialah pada item yang ketujuh iaitu pernyataan tentang 'Polisi Takaful Hayat sebagai skim perlindungan kepada ahli keluarga' dengan min sebanyak 4.62. Keseluruhan responden seramai 21 orang iaitu 100% memberi tahap persetujuan positif dengan item ini.

Selain itu, min tinggi di atas 4.00 ialah 4.52, 4.33, 4.24, 4.19, 4.05 dan 4.00. Min-min tersebut adalah bagi item 15, 14, 11, 10, 9, 8, 6 dan item 2. Manakala item yang mencatatkan min terendah adalah pada item 13 iaitu pernyataan 'Penyertaan masyarakat Melayu di dalam polisi Takaful Hayat adalah untuk mencapai objektif kempen menabung kebangsaan' dengan min sebanyak 3.71. Catatan menunjukkan bahawa seramai 9 orang responden yang tidak bersetuju dengan item ini iaitu sebanyak 42.8%.

Walau bagaimanapun, dapatan ini membuktikan bahawa responden bersetuju dan memberikan maklum balas yang positif terhadap objektif kajian yang pertama iaitu mengenai faktor-faktor yang mendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Hal ini

kerana, item yang mencatatkan min yang terendah bagi persoalan kajian yang pertama ini masih lagi berada pada aras min yang tinggi.

**Jadual 2 :** Rumusan dapatan kajian mengenai persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor yang menghalang penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat

No. Item	Item	Positif		Negatif		Min
		K	%	K	%	
16.	Kebanyakan masyarakat Melayu mempunyai pendapatan yang rendah.	14	66.7	7	33.3	3.90
17.	Polisi Takaful Hayat tidak mempunyai skim kelompok atau skim bayaran mudah bagi masyarakat yang berpendapatan rendah.	13	61.9	8	38.1	3.33
18.	Masyarakat tidak mempunyai lebih pendapatan untuk menyertai Takaful Hayat.	12	57.2	9	42.8	3.38
19.	Masyarakat Melayu beranggapan polisi Takaful Hayat tidak jauh beza daripada insurans nyawa.	13	61.9	8	38.1	3.57
20.	Masyarakat Melayu beranggapan bahawa Takaful Hayat tidak penting sepertimana ibadat khusus lain.	16	76.2	5	23.8	3.90
21.	Masyarakat Melayu juga berpendapat bahawa setiap yang berlaku adalah takdir Allah dan tidak memerlukan kepada Takaful Hayat.	15	71.4	6	28.6	3.86
22.	Masyarakat Melayu tidak memahami tentang polisi Takaful Hayat.	21	100	-	-	4.29
23.	Masyarakat Melayu berpandangan polisi Takaful Hayat adalah tidak fleksibel kerana perlu membayar sehingga polisi matang	14	66.7	7	33.3	3.71
24.	Masyarakat tidak mempercayai polisi Takaful Hayat dapat membantu mereka dan ahli keluarganya.	13	61.9	8	38.1	3.57
25.	Masyarakat kurang mempunyai kesedaran terhadap polisi Takaful Haya.	20	95.2	1	4.8	4.33
26.	Masyarakat Melayu kurang diberikan pendedahan berkaitan polisi Takaful Hayat.	15	71.4	6	28.6	3.90
27.	Polisi Takaful Hayat kurang dipromosikan.	14	66.7	7	33.3	3.76
28.	Syarikat takaful kekurangan ejen untuk mempromosikan polisi Takaful Hayat	11	52.4	10	47.6	3.62

29.	Ejen kurang mempromosikan Takaful Hayat sebab memahami kurangnya minat masyarakat Melayu.	11	52.4	10	47.6	3.29
<b>Min Keseluruhan</b>						3.74

$N = 21$

Berdasarkan kepada jadual 2 di atas, purata min keseluruhan bagi persoalan kajian yang kedua ialah 3.74. Keputusan menunjukkan min yang tertinggi bagi persoalan kajian yang kedua ialah pada item 25 iaitu pernyataan tentang ‘masyarakat kurang mempunyai kesedaran terhadap polisi Takaful Hayat’ dengan min sebanyak 4.33.

Seramai 20 orang responden iaitu 95.2% memberi tahap persetujuan yang positif dan hanya seorang responden iaitu 4.8% tidak bersetuju dengan item ini. Manakala item yang mencatatkan min terendah adalah pada item 29 iaitu pernyataan tentang ‘ejen kurang mempromosikan Takaful Hayat sebab memahami kurangnya minat masyarakat Melayu’ dengan min sebanyak 3.29. Catatan menunjukkan bahawa seramai 10 orang responden yang tidak bersetuju dengan item ini iaitu 47.6%.

Hasil analisis pada persoalan kajian yang kedua iaitu untuk mengetahui faktor-faktor menghalang penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat menunjukkan purata min keseluruhan yang tinggi iaitu sebanyak 3.74 dan ini bermakna objektif kajian yang kedua mendapat respon yang positif daripada responden.

### **Perbincangan**

Objektif pertama kajian adalah untuk mengetahui persepsi ejen takaful terhadap faktor-faktor yang mendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Daripada dapatan kajian yang diperolehi, didapati persepsi majority responden kepada faktor-faktor yang mendorong adalah baik dengan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu sebanyak 4.02.

Berdasarkan kepada hasil dapatan, keseluruhan pernyataan mendapat maklum balas yang positif terhadap faktor-faktor pendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Secara umumnya, keseluruhan responden bersetuju dengan Takaful Hayat sebagai skim perlindungan kepada ahli keluarga dan dibeli bagi meringankan bebanan ahli keluarga. Dapatan ini adalah bertepatan dengan matlamat Takaful Hayat iaitu meringankan ahli keluarga pencarum apabila sebarang musibah berlaku terhadap pencarum tersebut.

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa aspek kewangan merupakan salah satu pendorong kepada penyertaan masyarakat dalam Takaful Hayat. Kebanyakan masyarakat yang menyertai Takaful Hayat adalah daripada mereka yang berpendapatan tinggi. Ini adalah berdasarkan kepada hasil analisis iaitu dengan nilai min sebanyak 3.38. Dapatan ini adalah di sokong oleh pendapat En Mohd Alwi bin Jamaluddin dari hasil temubual bersama beliau (Takaful Nasional Taman Universiti 2008).

Seterusnya, majoriti responden meyakini bahawa Takaful Hayat berfungsi sebagai jaminan pendidikan anak-anak pencarum yang menghadapi musibah serta merupakan salah satu cara untuk mengurangkan kos menyara ahli keluarga apabila ahli ditimpa musibah. Dapatan ini bersesuaian dengan kenyataan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. bahawa Takaful Hayat menyediakan dana pendidikan bagi anakanak pencarum yang mengalami sebarang musibah. Responden juga bersetuju faktor-faktor yang mendorong masyarakat Melayu menyertai Takaful Hayat adalah sebagai pelaburan untuk dijadikan sebagai jaminan kewangan semasa persaraan. Dapatan ini adalah bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Chang Song Lik.

Di samping itu, mereka juga bersetuju dengan Takaful Hayat sebagai satu alat simpanan merupakan salah satu faktor yang mendorong penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Dapatan ini juga dipersetujui oleh En Mohd Alwi bin Jamaluddin hasil dari temubual ringkas bersama beliau. Mereka juga bersetuju bahawa premis Takaful Hayat yang banyak dan mudah dikunjungi memudahkan pelanggan untuk menyertainya. Malah sokongan dari Bank Negara yang berterusan juga meningkatkan penyertaan masyarakat dalam Takaful Hayat. Hal ini dapat dibuktikan dengan catatan analisis yang tinggi.

Bagi mengkaji faktor-faktor tersebut, beberapa aspek utama telah di ambil kira. Antaranya ialah aspek kewangan, kefahaman agama, kefahaman masyarakat dan juga kekurangan promosi.

Berdasarkan daripada hasil analisis, majoriti responden bersetuju bahawa aspek kewangan merupakan faktor penghalang kepada penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat. Di dapati peratusan positif yang tertinggi iaitu 66.7%, responden bersetuju bahawa masyarakat Melayu mempunyai pendapatan yang rendah merupakan faktor yang menghalang penyertaan masyarakat Melayu. Dapatan ini adalah disokong dengan pernyataan yang dibuat oleh En. Faris bin Abdul Raub (Takaful Nasional, Taman Universiti, 2008).

Selain itu, responden juga bersetuju bahawa ketiadaan skim kelompok atau skim bayaran mudah bagi golongan yang berpendapatan rendah merupakan faktor penghalang kepada penyertaan masyarakat Melayu dalam Takaful Hayat iaitu sebanyak 61.9%. Seterusnya, 57.2% responden juga bersetuju bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai lebih pendapatan untuk menyertai Takaful Hayat. Dapatan-dapatan ini juga disokong oleh pendapat En Faris bin Abdul Raub.

Faktor seterusnya adalah kefahaman agama masyarakat Melayu berkaitan Takaful Hayat. Sebanyak 76.2% responden bersetuju bahawa masyarakat Melayu menganggap Takaful Hayat ini tidak penting sepertimana ibadat khusus yang lain. Seterusnya 71.4% ejen takaful juga bersetuju bahawa masyarakat tidak menyertai Takaful Hayat kerana masyarakat Melayu juga berpendapat bahawa setiap yang berlaku adalah takdir Allah dan tidak memerlukan kepada Takaful Hayat. Di samping itu, 61.9% responden bersetuju bahawa kebanyakan masyarakat Melayu beranggapan Takaful Hayat adalah tidak berbeza berbanding insurans nyawa lain merupakan faktor kepada penghalang penyertaan di kalangan masyarakat Melayu. Dapatan ini menyokong kenyataan Mohammad Muslehuddin berkaitan penerimaan masyarakat terhadap Takaful Hayat.

Seterusnya bagi aspek kefahaman dan kesedaran masyarakat juga merupakan faktor penghalang kepada masyarakat Melayu menyertai Takaful Hayat. Keseluruhan responden (100%) adalah bersetuju bahawa masyarakat Melayu adalah tidak memahami Takaful Hayat menyebabkan mereka tidak menyertainya. Seterusnya, sebanyak 95.2% responden juga bersetuju bahawa masyarakat kurang kesedaran berkaitan kepentingan Takaful Hayat kepada ahli keluarga mereka. Malah 61.9% responden bersetuju bahawa faktor yang menghalang penyertaan masyarakat Melayu adalah kerana golongan ini tidak mempercayai bahawa polisi Takaful Hayat dapat membantu mereka dan ahli keluarganya. Di samping itu, 71.4% daripada responden juga bersetuju bahawa masyarakat kurang diberikan pendedahan berkaitan Takaful Hayat juga merupakan salah satu faktor yang menghalang penyertaan masyarakat Melayu.

Faktor yang seterusnya adalah dari aspek kekurangan promosi. Sebanyak 66.7% responden bersetuju bahawa Takaful Hayat kurang dipromosikan. Seterusnya, masing-masing adalah 52.4% daripada responden bersetuju bahawa syarikat takaful kekurangan ejen dan ejen kurang mempromosikan Takaful Hayat terhadap masyarakat Melayu kerana memahami



kurangnya kesedaran golongan ini terhadap Takaful Hayat. Dapatan ini bersesuaian dengan pendapat En Faris bin Abdul Raub dari hasil temubual bersama beliau.

### **Rujukan**

- Abdul Jalil Borham (1999). *Sains Muamalah Islam di Malaysia*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Bailard Biehl, Kaiser (1989). *How To Buy The Right Insurance At The Right Price*. United States of America : Dow Jones & Company Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1992). *Ensiklopedia Ekonomi Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendon, Redzuan, Rubayah Yakob, Mohammad Abdul Hamid (2005). *Risiko dan Insurans*. Shah Alam : Prentice Hall, Pearson Sdn. Bhd.
- Jaafar Muhammad, Hendon Redzuan, Rasidah Mohd Said. (1995). *Insurans Untuk Anda*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti.
- Lee Kam Khuan (1986). *Insurans Nyawa di Malaysia*. Kuala Lumpur : Percetakan United.
- Lim Chee Chee (2003). *Pengurusan Risiko dan Insurans*. Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Mark S. Dorfman (1993). Penterjemah : Zein Ismail, Kamaruddin Sharif, Rashidah Mohd Said, Abdul Malik Zakaria. *Pengenalan Kepada Insurans*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Muslehuddin (1989). *Insurans dan Hukum Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosli Mahmood (1994). *Konsep Asas Perbankan* Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- W.A Dinsdale, Dc Mc Murdie (1993). Penterjemah : Ismail Ahmad. *Unsur-unsur Insurans*. Kuala Lumpur: DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Prosiding Persidangan Bangsa Melayu dan Kejayaan Ekonomi Islam Serantau (1993). Kuala Lumpur.
- Chang Sok Ling (1999). *Pembelian Insurans Nyawa: Satu Kajian Ke Atas Pemegang Polisi dan Bukan Pemegang Polisi*. Universiti Malaya : Tesis.
- Ho Yok Kian (1999). *Penilaian Sistem Tuntutan Insurans Nyawa dan Faktor-faktor Yang Menyebabkan Masalah Tuntutan Tertunggak*. Kajian Kes : Great Eastern Life Insurance. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda
- Nashidah Saidi (2003). *Insurans Konvensional dan Islam: Analisis Khusus Terhadap Pelan Takaful Keluarga Kelompok di Syarikat Takaful Malaysia Berhad*. Universiti Malaya: Tesis